



MUKADIMAH

Menyedari cabaran-cabaran yang bakal dihadapi DAP, Pakatan Harapan, Kerajaan Perpaduan dan negara Malaysia dalam mendepani cabaran-cabaran masa kini, dan dengan tekad untuk membentuk semula Malaysia menjadi sebuah negara yang demokratik, bersatu padu, saksama dan mampan, berpandukan nilai-nilai kebebasan, keadilan dan solidariti,

Maka dengan ini, Kongres Parti memutuskan untuk menerima pakai ketetapan-ketetapan berikut yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat sebagai panduan hala tuju masa depan parti.

1. Impian Malaysia

Mengukuhkan komitmen DAP terhadap ‘Impian Malaysia’ seperti yang dinyatakan dalam Deklarasi Shah Alam yang diterima pakai pada Persidangan Kebangsaan lebih sedekad lalu pada 8 Januari 2012, DAP wajib:

- 1.1. Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi Persekutuan dan menghormati semangat Perlembagaan Merdeka 1957 dan Perjanjian Malaysia 1963.
- 1.2. Mempertahankan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara dan Raja-Raja Berperlembagaan bagi Negeri-negeri.
- 1.3. Memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta melindungi hak dan kepentingan sah kaum dan masyarakat lain seperti yang termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.
- 1.4. Melindungi kedudukan istimewa Islam sebagai Agama Persekutuan di samping melindungi kebebasan agama lain untuk diamalkan dengan aman dan damai serta tanpa gangguan, seperti yang termaktub dalam Perkara 3 dan 11 Perlembagaan Persekutuan.
- 1.5. Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan pada masa yang sama mengiktiraf dan mempertahankan hak masyarakat lain untuk bertutur, mengajar dan mempelajari bahasa masing-masing.
- 1.6. Mengangkat semangat perkongsian sama rata dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan memperjuangkan hak rakyat Sabah dan Sarawak.

2. Hak politik sivil dan reformasi institusi

Hak-hak sivil dan politik semua rakyat Malaysia adalah dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan dan membentuk agenda teras parti untuk Malaysia yang bersatu. Di samping itu, reformasi institusi adalah penting untuk memperbetulkan kebobrokan dan kerosakan ke atas negara sejak sekian lama. Maka, DAP mesti:

2.1. Menegakkan hak sivil dan politik yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, termasuk hak kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat, kebebasan berhimpun secara aman, kebebasan berpersatuan dan hak mengundi.

2.2. Membina dan menggalakkan masyarakat Malaysia yang adil dan saksama di mana seseorang itu tidak akan dinilai berdasarkan jantina, warna kulit, agama atau ideologi politik tetapi berdasarkan watak dan usaha seseorang.

2.3. Mendesak pemansuhan/penghapusan/pindaan ke atas undang-undang drakonian, zalim dan regresif yang melanggar hak rakyat Malaysia dan membantu Kerajaan Perpaduan dalam mencapai matlamat ini.

2.4. Meningkatkan usaha untuk mewujudkan kesedaran kepada orang ramai tentang hak mereka untuk mengundi, dengan tumpuan khusus kepada yang berumur 18 hingga 20 tahun dan pengundi baru.

2.5. Mengulangi komitmen DAP untuk melaksanakan reformasi institusi melalui Kerajaan Perpaduan, termasuk memperkasakan peranan Parlimen sebagai semak dan imbang kepada kuasa Eksekutif dan mengembalikan hak dan kepentingan wilayah Sabah dan Sarawak seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963.

3. Mencegah rasuah dan salah guna kuasa

Mengambil perhatian bahawa rasuah dan salah guna kuasa di semua peringkat masih menjadi barah dalam masyarakat, DAP perlulah:

3.1. Terus menuntut penambahbaikan dan reformasi ke atas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap institusi tersebut.

3.2. Menggesa penambahbaikan terhadap tata kelola dan tadbir urus Kerajaan sama ada melalui undang-undang, peraturan atau amalan terbaik (*best practice*) bagi mengurangkan dan akhirnya membasmi peluang untuk menerima suapan atau menyalahguna kuasa.

3.3. Menolak sebarang tekanan campur tangan dalam proses undang-undang pendakwaan dan perbicaraan di Mahkamah bagi mana-mana individu.

4. Ekonomi Malaysia yang madani

Menegaskan semula bahawa sektor ekonomi mesti memberi manfaat buat semua, bukan hanya segelintir; sementara pasaran mesti berfungsi dengan baik untuk membolehkan bakat berkembang dengan merit, masyarakat yang penuh belas ihsan mesti melindungi mereka yang paling rentan daripada serangan kapitalis, DAP mesti:

4.1. Menyokong usaha Kerajaan untuk mengangkat semula darjat rakyat dan martabat negara dengan menstruktur semula ekonomi melalui rancangan Ekonomi MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri.

4.2. Menegakkan dasar yang mencipta, memelihara dan melindungi pekerjaan bermaruah untuk semua rakyat Malaysia yang merangkumi pekerjaan bermakna dan berpendapatan tinggi, keterangkuman dan kesaksamaan peluang dan perlindungan sosial untuk semua.

4.3. Mendorong pembaharuan institusi dalam menyelesaikan kekurangan pekerja yang dihadapi oleh banyak perniagaan melalui insentif gaji dan pengambilan pekerja serta dasar pengambilan pekerja asing yang lebih berperikemanusiaan dan telus.

4.4. Menggalakkan perusahaan tempatan ke arah pendigitalan dan ekonomi hijau, sambil meningkatkan rantaian nilai untuk menjadi peneraju ekonomi rantau Asia Tenggara.

4.5. Menggembung usaha ke arah mewujudkan pendidikan yang sepadan dengan cabaran ekonomi abad ke-21 bagi para pelajar dan anak-anak muda kita melalui promosi pendidikan STEM dan TVET yang lebih kondusif di samping melengkapkan aliran sekolah tradisional dengan modul terkini.

4.6. Memastikan pembangunan yang lebih seimbang antara kelas sosial yang berbeza, antara lelaki dan wanita, serta antara negeri dan wilayah di Malaysia.

4.7. Melindungi kumpulan yang paling terjejas melalui program kebajikan yang sistematik, adil dan memperkasakan yang tidak mendiskriminasi jantina, kaum, agama atau ideologi politik tetapi mudah diakses oleh mereka yang memerlukan.

4.8. Meningkatkan usaha untuk mengawal kenaikan inflasi dan harga makanan, komoditi dan bahan dengan memberi tumpuan khusus kepada keterjaminan makanan.

5. Pemerkasaan wanita dan menghentikan diskriminasi berdasarkan gender

Wanita di Malaysia terus bergerak ke arah kesaksamaan merentasi spektrum penglibatan sosial yang luas terutamanya dalam bidang pencapaian pendidikan, penyertaan dalam bidang ekonomi dan politik. Namun demikian, masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk memastikan keseimbangan gender dan pembangunan yang saksama untuk wanita Malaysia. Oleh itu, DAP mesti:

5.1. Mengecam semua bentuk diskriminasi berkait sosio-ekonomi dan politik terhadap wanita; sebagai tambahan kepada sebarang bentuk penindasan yang mungkin timbul dalam hal-hal berkaitan tadbir urus dan dasar-dasar.

5.2. Mengarusperdanakan gender melalui penyertaan gender yang seimbang dalam pembuatan dasar dan keputusan di setiap peringkat.

5.3. Mewujudkan persekitaran selamat untuk para wanita dan yang jauh daripada sebarang bentuk gangguan, ancaman atau penderaan lisan mahupun fizikal, termasuk mengubah pendekatan semua pihak terhadap isu-isu diskriminasi gender dan gangguan, ancaman terhadap kaum wanita supaya masyarakat lebih peka dan sensitif terhadap isu-isu ini.

6. Menggembungkan tenaga anak muda

DAP sentiasa memberi ruang dan peluang kepada anak muda dalam pelbagai aspek. Kami mengiktiraf bahawa anak muda adalah penyumbang aktif dan rakan usaha sama untuk membina semula negara kita dalam semua bidang dan pewaris kepada bangsa Malaysia. Oleh itu DAP mesti:

6.1. Terus mempertahankan dan memperkasakan hak golongan muda untuk mengundi dan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti politik termasuk di institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

6.2. Memperkuatkan pendidikan politik, sama ada di peringkat Kerajaan atau di peringkat parti, dalam kalangan anak muda untuk menggalakkan mereka memainkan peranan yang lebih aktif serta bermaklumat (informed) dalam proses demokrasi negara.

6.3. Menggalakkan dasar-dasar berfokuskan anak muda termasuk dasar pendidikan saksama, rumah mampu milik, dasar untuk menyediakan pekerjaan yang lebih berkualiti untuk belia selain menyediakan keselamatan sosial yang lebih baik untuk mereka yang terlibat dalam sektor ekonomi tidak formal.

6.4. Menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi yang berubah pantas dan menjadi kreatif untuk mendekati, melibatkan diri, mendengar dan yang paling penting ialah mendapatkan lebih ramai anak muda untuk terlibat secara aktif dalam pembinaan negara bangsa.

6.5. Mengurus minat yang ditunjukkan oleh anak muda kepada parti sejurus selepas PRU ke-15 dan PRN 6 negeri untuk menyertai parti dengan meletakkan suatu pendekatan sistemik bagi memperkenalkan mereka kepada parti.

6.6 Terus membawa suara dan aspirasi anak muda di semua peringkat supaya DAP dapat kekal relevan dan menjadi pilihan sebagai wadah politik anak muda.

7. Kemampunan untuk masa depan

Kita telah melihat impak dan kesan perubahan iklim yang berlaku selain meningkatkan usaha ke arah pembangunan yang lebih mampan. Jadi, DAP perlu:

7.1. Mengumpulkan usaha untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan menyepakatkan langkah-langkah perubahan iklim ke semua agensi kerajaan, bukan hanya terhad kepada mereka yang menguruskan isu alam sekitar secara langsung sahaja.

7.2. Memacu projek hijau seperti kontrak prestasi tenaga, projek pajakan solar dan inisiatif sisa kepada tenaga.

7.3. Mengelakkan Malaysia daripada menjadi tempat pembuangan sisa plastik.

7.4. Mendesak dasar hutan yang lebih lestari seperti pengurangan kadar penebangan kayu dan mengutamakan penjanaan semula hutan untuk menangani masalah penebangan hutan.

7.5. Memperbaharui undang-undang dan dasar pembangunan, dengan mengambil kira kesan perubahan iklim untuk membina bandar yang mampan dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

8. Media sosial dan penyampaian maklumat

PRU-15 dan PRN 2023 telah menyaksikan penggunaan platform media sosial untuk menyebarkan kepalsuan dan fitnah bagi tujuan politik yang seringkali menganggu-gugat keharmonian masyarakat. Dalam pada masa yang sama, maklumat daripada pihak Kerajaan tidak sampai ke peringkat akar umbi. Oleh itu, DAP perlu:

8.1. Mengiktiraf bahawa kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, namun ia tidak meliputi kebebasan untuk memfitnah dan membina naratif yang menggugat keharmonian masyarakat.

8.2. Menyokong usaha untuk memperkemaskan dan mempertingkatkan sistem penyampaian maklumat Kerajaan kepada seluruh pelosok masyarakat dan mengekang hantaran media sosial yang boleh mengancam ketenteraman awam.

8.3. Memastikan pemilik platform media sosial memainkan peranan yang lebih bertanggungjawab bagi mengekang hantaran-hantaran yang menjadi ancaman kepada keharmonian masyarakat dan ketenteraman awam.

8.4. Mempertingkat usaha untuk meluaskan jaringan maklumat parti kepada akar umbi dan mereka yang diluar parti bagi menyampaikan maklumat tentang parti dan menyangkal tohmahan terhadap parti.

9. Pakatan Harapan dan Kerajaan Perpaduan

Kemelut politik pasca PRN 2023 telah memperlihatkan suatu kerjasama baharu ditubuhkan di peringkat Persekutuan antara parti-parti dalam Kerajaan Perpaduan. Kerjasama ini juga telah diterjemahkan di beberapa negeri dan juga diteruskan semasa PRN 2023. Bagi menjamin kestabilan politik untuk jangka hayat Parlimen ke-15, DAP perlu:

9.1. Menyatakan komitmen berterusan kepada Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi membina semula negara Malaysia.

9.2. Terus mengukuhkan hubungan di antara parti-parti komponen di dalam Pakatan Harapan (DAP, Keadilan, Amanah dan UPKO) sebagai gabungan teras di dalam Kerajaan Perpaduan.

9.3. Mengulangi prinsip Pakatan Harapan seperti menegakkan demokrasi, keadilan untuk semua, menghormati kepelbagaian Malaysia, memerangi rasuah dan ekonomi yang saksama sebagai asas kepada gabungan itu.

9.4. Memperkuuhkan hubungan dan kerjasama di antara parti-parti di dalam Kerajaan Perpaduan melalui Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan negeri, Sekretariat Kerajaan Perpaduan, Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) serta program-program di peringkat akar umbi.

9.5. Menolak sebarang usaha untuk mengancam kestabilan politik yang sedang dinikmati sejak terbentuknya Kerajaan Perpaduan.